



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**09 november 2022  
14 Rabiulakhir 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
<b>Utusan Malaysia</b>	•
<b>Berita Harian</b>	• Bekalan ikan dijangka berkurangan
<b>Harian Metro</b>	• Penyeri Landskap Akuarium
<b>Kosmo !</b>	• Bot nelayan tempatan langar syarat lesen ditahan
<b>Sinar Harian</b>	•
<b>The Star</b>	•
<b>The Straits Time</b>	•
<b>Nanyang Siang Pau</b>	•
<b>Malaysia Gazette</b>	•
<b>Harakah</b>	•
<b>Malaysiakini</b>	•
<b>Bernamea</b>	•
<b>Borneo Post (KK)</b>	•
<b>Guan Ming Daily</b>	•
<b>Sabah Media</b>	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		18	9-11-2022



**SEBUAH bot nelayan tempatan kelas C yang disyaki melanggar syarat sah lesen di perairan Pulau Kendi, Pulau Pinang semalam.**

## Bot nelayan tempatan langgar syarat lesen ditahan

**GEORGE TOWN** – Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C yang disyaki melanggar syarat sah lesen ketika menangkap ikan kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Abd. Razak Mohamed berkata, Kapal Maritim (KM) *Sikuati* telah mengesan sebuah bot nelayan dengan menggunakan pukát tunda di kedudukan 12.96 kilometer barat daya Pulau Kendi, kira-kira pukul 10.15 pagi.

“Hasil pemeriksaan mendapati bot nelayan tempatan kelas C yang berpangkalan di Batu Maung itu dikendalikan tiga warga tempatan termasuk tekong yang masing-masing berumur 49 hingga 61 tahun.

“Bot terbabit disyaki telah

melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan,” katanya semalam.

Menurutnya, bot bersama kru, peralatan menangkap ikan serta ikan campur anggaran 30 kilogram disita dan dibawa ke Jeti Lembaga Ikan Malaysia Batu Maung untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

“Maritim Malaysia tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang sengaja melanggar undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia demi kedaulatan dan kesejahteraan perairan negara,” jelasnya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		35	9/11/2022

# PENYERI LANDSKAP AKUARIUM

Udang hiasan beri suntikan pada nilai estetika aquascape

Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@metro.com.my

Peminat seni landskap akuarium atau aquascape sangat menitikberatkan segi tata hias diketengahhkan termasuk hidupan yang berada di dalamnya.

Bukan hanya tumbuhan akuatik dan medium lain seperti batu dan kayu boleh memberi suntikan pada nilai estetika aquascape malah hidupan seperti udang hiasan menjadi pelengkap kepada ekosistem itu.

Mengenai udang hiasan, ada beberapa spesies udang menjadi pilihan kebanyakan peminat aquascape.

Ciri-ciri utama adalah warna dan motif pada cangkering membuatkan ia menonjol apabila berada dalam latar aquascape.

Berikut beberapa spesies udang hiasan kerap digunakan pemilik aquascape untuk memperindahhkan akuarium mereka.

## 1. Red Cherry Shrimp

Semantis namanya, reputasi udang ini sangat popular dalam kalangan peminat aquascape.

Warna merah menyala berselang dengan kulit udang yang seakan akan 'berkaca' membuatkan ia menonjol di persekitaran



WARNA kuning terang Yellow Fire Shrimp sesuai untuk latar akuarium gelap

landskap apa pun.

Daya tahan udang ini juga tinggi apabila berkemampuan hidup dalam suhu 18 hingga 28.5 darjah Celsius. Tidak hairan ini menjadi pilihan utama bagi peminat haiwan akuatik di rantau ini.

## 2. Crystal Red/Crystal Black Shrimp

Seindah namanya, udang ini memiliki tona warna menarik sesuai sebagai hidupan akuatik hiasan.

Seakan-akan versi koi pada udang kerana tempokan pada kulitnya membuatkan ia unik.

Udang ini cantik tetapi penjagaan rumit apabila sangat sensitif dengan persekitaran dan mudah mati jika kualiti air berubah.

Disarankan penggunaan udang ini lebih stabil dalam akuarium bersaiz besar atau sekurang-kurangnya lima gelen air.

## 3. Yellow Fire Shrimp

Warna kuning yang terang memberi gambaran namanya yang unik.

Kombinasi warnanya itu cukup serasi dengan latar aquascape hijau dan gelap. Seperti namanya, karakter udang ini salah satunya memiliki daya

tahan tinggi dalam persekitaran suhu 22 hingga 29 darjah Celsius sementara pH air antara enam hingga lapan.

## 4. Blue Pearl Shrimp

Warna biru terang dan seakan akan lampu pada keseluruhan badan memberi pesona pada setiap mata yang memandangnya.

Bagi peminat aquascape, biru pada spesies udang hiasan ini adalah aura yang didambakan mereka.

Karakter udang ini juga tidak agresif dan gemar menempel di batu, tumbuhan akuatik mahupun dinding akuarium.

Ia juga digemari kerana bertahan dalam persekitaran suhu 20 hingga 26 darjah Celsius.

## 5. Red Nose Shrimp

Hidung kemerahan merahan menjadi elemen unik pada udang hiasan berasal dari India ini.

Warna badan lain hanyalah putih jernih dan mudah disesuaikan dengan latar landskap dalam akuarium.

Kelebihan lain dimiliki spesies udang ini adalah ketahanan dalam suhu 20 hingga 28 darjah Celsius dan kemampuan hidup pada pH 6 hingga 7.5.



BLUE Pearl Shrimp warna biru yang mempesona



WARNA merah pada snout Red Cherry Shrimp menjadi kar seni akuarium

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		23	9.11.2022

# Bekalan ikan dijangka berkurangan

Rakyat tak perlu bimbang, LKIM siap sedia hadapi musim tengkujuh

13/11/22

Oleh Baharom Bakar dan Nor Amalina Alias  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Bekalan ikan di negeri ini dijangka berkurangan mulai Disember hingga Mac depan kerana tidak ramai nelayan ke laut pada musim tengkujuh.

Tinjauan ke Pasar Cabang Tiga, di sini, mendapati ada kenaikan di antara RM5 dan RM10 ikan serta hasil laut lain.

Peniaga ikan, Abdul Rahman Ishak, 56, berkata ikan segar atau lebih dikenali dengan panggilan ikan pukat jerut masih mendapat sambutan pengguna, walaupun harganya lebih tinggi.

Katanya, ada perbezaan kualiti di antara ikan kotak (beku) dengan ikan pukat jerut, tetapi pengguna masih memilih ikan pukat jerut kerana kesegarannya.

Beliau berkata, ikan pukat jerut segar menjadi pilihan kerana didaratkan pada sebelah pagi, berbanding ikan kotak.

"Bekalan ikan pukat jerut belum terjejas kerana masih ada nelayan turun ke laut," katanya di sini, semalam.

## Masih jadi pilihan

Abdul Rahman berkata, ikan pukat jerut yang dibekalkan secara terus nelayan tempatan kepada peniaga lebih mahal, jika dibandingkan dengan ikan kotak.

Sebagai contoh, katanya, ikan selayang pukat jerut dijual di antara RM15 dan RM18 sekilogram (kg) berbanding ikan kotak di antara RM8 dan RM12 sekilogram.

Seorang pelanggan, Wan Abdullah Wan Ishak, 59, dari Kampung Wakaf Mempelam, berkata kenaikan harga ikan dan hidupan laut, walaupun membebaskan namun masih munasabah berbanding ayam.

"Walaupun ikan dan makanan laut itu ada kenaikan harga, tetapi tetap menjadi pilihan ahli keluarga berbanding ayam serta daging," katanya.

Sementara itu, di Pasir Puteh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Da-



Wan Abdullah memilih ikan segar di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto Baharom Bakar/BH)

tuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh memberi jaminan bekalan ikan ketika musim tengkujuh cukup.

Beliau berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah menyediakan bekalan secukupnya, susulan ramalan

hujan berterusan hujung tahun ini.

Katanya, negara juga akan mengimport ikan bagi memastikan bekalan sentiasa ada.

"Kita juga mempersiapkan bekalan makanan asas lain seperti ayam, telur, daging. Ada beka-

lan dibuat kerajaan. Rakyat tak perlu bimbang.

"Biasanya banjir akan melanda dalam seminggu atau paling cepat dua hari. Selepas itu dah surut balik. Jadi, kerajaan dah siapkan bekalan makanan ini," katanya.